

# Kerja keras PM terbukti

**Kuala Lumpur:** Ketekunan dan kerja keras Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak memimpin Kerajaan Perpaduan dua tahun selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) berjaya membawa perubahan yang cepat dan nyata dalam pentadbirannya.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata Anwar sangat komited dalam usaha meningkatkan prestasi ekonomi dan pada masa sama mengekalkan kestabilan politik negara dalam menggalas tanggungjawab memimpin kerajaan dengan gabungan terbesar dalam sejarah politik Malaysia, membabitkan lebih 18 parti ketika ini.

“Saya lihat usaha, kesungguhan ditonjolkan Anwar (memimpin negara) itu tidak boleh dilawan. Anwar adalah seorang ahli politik yang tekun dan bekerja keras dan itu terbukti de-

ngan usaha beliau berjaya membawa perubahan yang cepat dalam pentadbiran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu program *Sembang Malam* bertajuk ‘Dua Tahun Kerajaan Perpaduan Pimpinan Anwar Ibrahim’ terbitan Selangor TV yang disiarkan di Facebook dan YouTube, malam kelmarin.

Program dihoskan Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaafar itu turut menampilkan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan dan Pengarah Eksekutif Ilham Centre, Hisomuddin Bakar sebagai tetamu.

Selain itu, Amirudin yang juga Naib Presiden PKR merangkap Pengerusi Pakatan Harapan Selangor, berpendapat Anwar memikul beban berat berikutan tumpuan sentiasa diberikan kepadanya yang membawa imej Kerajaan Perpaduan, sekali gus

# bawa perubahan cepat

menjadi figura sasaran pelbagai pihak.

## **Fakta bercampur aduk**

Senada dengan Amirudin, Fahmi berkata, pelbagai perubahan dibawa Perdana Menteri sepanjang dua tahun menerajui Kerajaan Perpaduan, antaranya dari segi ekonomi dan pelaburan asing serta usaha melawan rasuah.

Beliau berkata, fakta berkenaan bercampur aduk dengan berita palsu dan fitnah yang disebarkan, terutama melalui media sosial hingga mengakibatkan persepsi negatif terhadap kerajaan dan Perdana Menteri.

“Kalau dalam filem, penonton biasanya tengok pelakon utama, tak tengok pelakon pembantu atau orang belakang (tabir) walaupun filem itu adalah usaha bersama semua,” katanya menambah menteri Kabinet dan Ahli Parlimen kerajaan juga per-

lu bersama-sama memikul tanggungjawab mengubah persepsi rakyat terhadap kerajaan.

Fahmi turut memetik buku tulisan seorang pakar University of Cambridge, Sander van der Linden, bertajuk *Foolproof* yang menyatakan masalah paling besar mengganggu gugat demokrasi di seluruh dunia sekarang ialah berita palsu.

Sementara itu, beliau berkata, pelbagai perancangan diumumkan Kerajaan Perpaduan membuah hasil dan beliau yakin dalam dua tahun akan datang, lebih banyak limpahan ekonomi akan dinikmati rakyat.

“Bagi kerajaan, sudah pasti kita perlu beri keyakinan kepada pelabur, limpahan ekonomi kepada rakyat, memperbetulkan bukan hanya cara kita berkomunikasi, serta mengajak rakyat untuk memberi pertimbangan (sewajarnya),” katanya.

BERNAMA